

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah syarikat logistik yang telah diberikan status “International Integrated Logistic Service” oleh MIDA mengikut pecahan milikan syarikat tempatan dan milikan syarikat asing serta langkah-langkah untuk memajukan sektor tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sektor perkhidmatan logistik merupakan komponen penting dalam rantai bekalan pelbagai sektor ekonomi termasuk pembuatan, pertanian serta komoditi. Kepentingan perkhidmatan logistik menjadi lebih ketara pada masa kini berikutan pemulihan ekonomi dunia yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

2. Kerajaan telah memperkenalkan Status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa ("*International Integrated Logistics Services, IILS*") sejak tahun 2008 untuk menggalakkan syarikat logistik tempatan dan asing beroperasi secara bersepadu dan agresif di peringkat serantau mahupun global. Status IILS adalah pra-syarat untuk mendapatkan lesen-lesen lain seperti Lesen Ejen Kastam dan Lesen Ejen Penghantar Barang. Kriteria asas kelayakan untuk memperoleh status IILS ini adalah syarikat perlu menguruskan kemudahan infrastruktur sekurang-kurangnya 20 unit kenderaan komersial dan gudang penyimpanan dengan keluasan minima 5,000m².

3. Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sehingga September 2021, sebanyak 165 buah syarikat telah diluluskan status IILS. Daripada jumlah ini, 141 atau 86 peratus adalah syarikat dengan pemilikan saham sepenuhnya oleh rakyat tempatan. Seterusnya, 12 syarikat atau 7 peratus merupakan syarikat dengan pemilikan saham sepenuhnya oleh pelabur asing. Manakala, 8 lagi syarikat atau 5 peratus adalah syarikat yang majoriti sahamnya dimiliki oleh syarikat tempatan dan 4 syarikat atau 2 peratus lagi adalah syarikat yang majoriti sahamnya dimiliki oleh syarikat asing.

4. Kerajaan mengambil pendekatan memajukan sektor ini melalui peningkatan keupayaan menerusi pengaplikasian teknologi, pengukuhan usaha menarik pelaburan dan promosi eksport.

5. Sebagai contoh, MIDA memperuntukkan Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) yang merupakan geran padanan yang ditawarkan kepada syarikat dengan majoriti pemilikan ekuiti tempatan untuk meningkatkan keupayaan penggunaan teknologi tinggi dan

pembangunan modal insan. Syarikat logistik yang layak boleh menggunakan kemudahan ini untuk meningkatkan keupayaan operasi mereka melalui penaiktarafan mesin dan peralatan, aktiviti R&D, peningkatan kemahiran kakitangan melalui latihan dan mendapatkan pensijilan antarabangsa.

6. Untuk mengukuh kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelaburan tempatan dan asing, Kementerian sentiasa mempergiatkan aktiviti dan program bagi mempromosikan pelaburan di dalam sektor logistik ini melalui program jangkauan (*outreach*), perbincangan meja bulat, dialog, sesi libat urus dan forum yang diadakan secara berkala.

7. Selain itu, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) juga melaksanakan program-program bagi mempromosikan perkhidmatan logistik tempatan ke pasaran antarabangsa menerusi pelbagai inisiatif. Antaranya ialah program-program promosi perdagangan yang memberi penekanan kepada syarikat perkhidmatan logistik tempatan untuk meneroka pasaran antarabangsa dan memberi peluang untuk menyertai rangkaian bekalan perkhidmatan yang berkaitan.

8. Selain itu, MATRADE juga mempunyai program Rakan MATRADE (*Buddy Programme*) yang merupakan usaha MATRADE untuk membolehkan syarikat logistik yang terpilih menerima khidmat bimbingan secara berterusan daripada pemain di dalam industri logistik tempatan. Melalui program ini juga, syarikat yang terpilih akan dibekalkan dengan maklumat dan informasi berkaitan statistik terkini, peluang pasaran antarabangsa (*Market Alert*) dan kajian pasaran produk (*Product Market Study*).

9. Kerajaan akan sentiasa mengukuhkan dasar serta inisiatif sedia ada bagi memastikan sektor perkhidmatan logistik tempatan kekal berdaya saing bukan sahaja di arena tempatan malah di persada antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN [PENGERANG]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan banci dalam talian (e-Census) dan pengumpulan data menggunakan kaedah Computer Assisted Telephone Interview (CATI) dan apakah langkah-langkah proaktif kerajaan untuk menjadikan sistem ini sebagai medium utama kaedah bancian memandangkan COVID-19 akan menjadi suatu yang endemik di negara kita.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 dilaksanakan dengan menggunakan kaedah konvensional iaitu temuramah secara bersemuka sebagai mod utama pembancian.
2. Berbanding dengan Banci 2010, kaedah pembancian yang diguna pakai bagi melaksanakan Banci Malaysia 2020 kali ini telah diperkukuhkan melalui Banci Dalam Talian (e-Census), *Computer Assisted Telephone Interview* (CPTI), dengan izin dan modenisasi dalam temuramah bersemuka yang menggunakan *Computer-Assisted Personal Interview* (CAPI). Walau bagaimanapun, kaedah konvensional temuramah bersemuka menggunakan Paper & Pen Interview (PAPI) atau Drop-off & Pick-up (DOPU) masih dikekalkan.
3. Banci Malaysia 2020 telah bermula sejak 7 Julai 2020 telah ditutup secara rasmi pada 31 Oktober 2021. Sebanyak 8.1 juta isirumah merangkumi 32.3 juta penduduk telah dibanci, iaitu sebanyak 99.2% daripada anggaran isirumah dan penduduk.
4. Daripada jumlah tersebut, kaedah utama yang telah diguna pakai adalah melalui CAPI dan e-Census, iaitu sebanyak 67.7% dan 23.4% penduduk, masing-masing. Manakala 0.2% pembancian dilaksanakan melalui CATI dan selebihnya 8.7% adalah dilaksanakan melalui kaedah yang lain.
5. Bagi menjadikan e-Census dan CATI sebagai medium utama dalam Banci Malaysia 2020, beberapa langkah proaktif telah diambil Kerajaan. Antara lain, termasuklah:
 - Aktiviti promosi dan publisiti yang meluas di seluruh negara sama ada melalui media elektronik, media sosial dan media cetak;

- Arahan menetapkan 100% pengisian e-Census oleh penjawat awam seperti surat edaran bertarikh 19 Oktober 2020 dari Ketua Setiausaha Negara;
- Pemantauan secara berkala status pembancian anggota di Kementerian/ Jabatan/ Agensi;
- Pelaksanaan e-Census Hour/ Day bagi Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun secara dalam talian (*virtual*) bagi membantu anggota yang memerlukan panduan dan tunjuk ajar dalam mengisi e-Census; dan
- Mengadakan klinik e-Census di agensi kerajaan dan swasta, serta kawasan kejiranan dan komuniti setempat.

6. Selain daripada Banci Malaysia 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia juga telah menyediakan platform e-survei dan CATI bagi survei rutin ekonomi dan isi rumah antaranya:

- Survei Perdagangan Borong & Runcit Bulanan (MDT);
- Survei Pembuatan Bulanan;
- Survei Perkhidmatan Suku Tahunan (QSS);
- Survei Tenaga Buruh (STB); dan
- Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES) 2022.

7. Kaedah survei dalam talian telah diguna pakai oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mulai 2009 dan akan diperluaskan lagi kepada survei/ banci yang lain.

Sekian, terima kasih.